

Bahaya Iklim di Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Perbandaran Selangor

Nurul Syazwani Yahaya (P75006) dan Joy Jacqueline Pereira

Pusat Kajian Bencana Asia Tenggara (SEADPRI), Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Email: joy@ukm.edu.my

Pernyataan Masalah: Tinggalan sisa pepejal perbandaran di tapak pelupusan menyimpan bahan bertoksik serta vektor yang boleh memberi ancaman terhadap kesihatan alam sekitar serta orang awam sekiranya tidak dilindungi. Bahaya iklim dalam bentuk banjir, kegagalan cerun dan hakisan pantai yang sering melanda negara ini mampu menggagalkan fungsi dan keselamatan tapak pelupusan dan mengakibatkan pelbagai kemusnahan serta kesan jangka panjang termasuk pencemaran alam sekitar dan bahaya kesihatan. **Objektif:** Kajian ini merupakan satu usaha bagi menilai tahap keterdedahan tapak pelupusan sisa pepejal perbandaran terhadap bahaya iklim berdasarkan kajian kes di Selangor serta mengenalpasti implikasi terhadap alam sekitar dan orang awam. **Metodologi:** Penilaian tahap keterdedahan terhadap bahaya banjir dilakukan berdasarkan analisis proksimiti dari zon bahaya banjir. Keterdedahan terhadap bahaya kegagalan cerun dilakukan berdasarkan penilaian saringan topografi serta kecuraman cerun *in-situ*. Kerja lapangan dilakukan bagi penilaian kerentanan berdasarkan *toolkits* yang telah dibina bagi setiap bahaya iklim yang dikaji. Saringan keterdedahan terhadap bahaya hakisan pantai dilakukan melalui analisis proksimiti dari garisan pantai dan diikuti oleh penilaian kerentanan kawasan tapak pelupusan terhadap hakisan ombak. Kajian implikasi terhadap alam sekitar dan orang awam dilakukan melalui pendekatan Punca-Laluan-Reseptor-Kesan berdasarkan satu kajian kes di tapak pelupusan yang dipilih. **Hasil:** Daripada 20 buah tapak pelupusan rasmi di Selangor, hasil kajian ini telah mendapati bahawa terdapat enam tapak pelupusan terdedah kepada bahaya banjir di kawasan tanah rendah, dua tapak pelupusan terdedah kepada bahaya kegagalan cerun di kawasan lereng bukit manakala dua tapak pelupusan terdedah kepada bahaya hakisan di kawasan pinggir pantai. Kesemua tapak pelupusan yang terdedah kepada bahaya iklim tersebut turut mempunyai kerentanan yang tinggi berdasarkan penilaian lapangan tapak pelupusan. **Kesimpulan:** Langkah pencegahan dan pengurangan risiko bencana adalah penting terutamanya bagi tapak pelupusan sisa pepejal perbandaran yang telah didapati terdedah kepada bahaya iklim.